

**ZURICH®**

Passenger Personal Accident Insurance

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to purchase the Passenger Personal Accident Insurance. Be sure to also read the policy wording terms and conditions.)

1. What is this product about?

This product provides compensation in the event of bodily injuries, disablement or death caused solely and directly by a sudden, unforeseen and fortuitous event that happens unexpectedly while you are travelling as a fare-paying passenger on bus transportation provided by the bus operators as determined by MyETrade Sdn Bhd.

2. What are the covers / benefits provided?

This product covers:

Benefit	Benefit Description	Sum Insured (RM)
A	Accidental Death	20,000
B	Accidental Permanent Disablement: Table of Benefits: <ul style="list-style-type: none"> - Loss of Limbs (two limbs) - Loss of both hands, or of all fingers and both thumbs - Total paralysis - Total insanity - Injuries resulting in being permanently bedridden - Any other injury causing Permanent Total Disablement - Loss of arm at shoulder - Loss of arm between shoulder and elbow - Loss of arm at elbow - Loss of arm between elbow and wrist - Loss of hand at wrist - Loss of leg - Loss of eye 	100%
C	Funeral Expenses (Accident)	2,000

Notes:

- Please refer to the policy wording for full description of benefits, terms and conditions under this product.
- Duration of cover will start from the time you on board the bus for the purpose of commencing the trip and shall cease once you disembark from the bus at the designated destination as stated in the bus ticket.
- If Benefit B is payable, then no benefits will be payable for Benefit A.

3. How much premium do I have to pay?

N/A. The Passenger Personal Accident insurance is free while you add on the Premium package provided by the bus operators which is determined by MyETrade Sdn Bhd.

4. What are the fees and charges that I have to pay?

N/A. The Passenger Personal Accident insurance is free while you add on the Premium package provided by the bus operators which is determined by MyETrade Sdn Bhd.

5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- **Importance of disclosure** - You must disclose all material facts such as your personal pursuits including your occupation which would affect the risk profile.
- **Consumer Insurance Contract** - Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this insurance wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance). You must answer the questions fully and accurately. Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us. In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this insurance), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied. You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.
- **Non-Consumer Insurance Contract** - Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Financial Services Act 2013, if you are applying for this insurance for a purpose related to your trade, business or profession, you have a duty to disclose any matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of your contract of insurance, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of insurance. The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of insurance is entered into, varied or renewed with us. You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of insurance has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this insurance) is inaccurate or has changed.
- **Claim Procedure** - You must give written notice to us within fourteen (14) days after the occurrence of the incident.
- **Eligibility:**
 - Age Limit – thirty (30) days old to eighty (80) years old (all ages refer to the age of your next birthday).
 - You must enrol to this insurance before your trip begin.
 - The territorial limit within Malaysia only.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the policy wording for full list of terms and conditions under this product.

6. What are the major exclusions under this product?

This product does not cover claims caused by the following events:

- War, Civil War
- Pre-existing condition
- Suicide while sane or insane
- Provoked Murder or Assault
- Any kind of racing other than on foot
- Radiation, Nuclear
- Riding/driving without a valid license

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the policy wording for full list of exclusions under this product.

7. Can I cancel my policy?

You may cancel your certificate of insurance by giving a written notice to us provided that you have not made a claim on the certificate of insurance. Upon cancellation, there shall be no refund of premium to you.

8. What do I need to do if there are changes to my contact/ personal details?

It is important that you inform us of any change in your contact detail/life profile including occupation and personal pursuits which would affect your risk profile. You can write to us at the address below or email us at: callcentre@zurich.com.my.

9. Where can I get further information?

Should you require additional information about the product, please refer to the insurance info booklet that are available at all our branches or you can obtain a copy from the agent.

If you have any enquiries, please contact us at:

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Level 23A, Mercu 3,
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888

Call Centre: 1-300-888-622

Email: callcentre@zurich.com.my

10. Other types of Personal Accident insurance cover available:

Please ask our agent/ intermediary for other similar type of products offered by us.

IMPORTANT NOTE

YOU ARE ADVISED TO TAKE NOTE OF THE SCALE OF BENEFITS FOR DEATH AND DISABLEMENT IN YOUR INSURANCE MASTER POLICY. YOU MUST NOMINATE A NOMINEE AND ENSURE THAT YOUR NOMINEE IS AWARE OF THIS PERSONAL ACCIDENT POLICY THAT YOU HAVE PURCHASED. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE MASTER POLICY AND DISCUSS WITH THE AGENT OR CONTACT THE INSURANCE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad is licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

The information provided in this disclosure sheet is valid from 20th Jun 2023 until a revision is issued.

The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Insurance Malaysia Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Note: In the event of discrepancy, ambiguity and conflict in interpreting any term or condition, the English version shall prevail and supersede the Bahasa Malaysia version.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Registration No. 201701035345 (1249516-V)

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622

www.zurich.com.my



**ZURICH®**

Passenger Personal Accident Insurance

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Passenger Personal Accident Insurance. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat kontrak polisi.)

1. Apakah produk ini?

Produk ini menyediakan pampasan sekiranya berlaku sebarang kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak dijangka dan secara kebetulan tanpa diduga semasa anda dalam perjalanan sebagai penumpang yang membayar tambang di dalam pengangkutan bas yang disediakan oleh pengendali bas yang ditentukan oleh MyETrade Sdn Bhd.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Produk ini melindungi:

Manfaat	Keterangan Manfaat	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)
A	Kematian Akibat Kemalangan	20,000
B	Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan: Jadual Manfaat: - Kehilangan Anggota Badan (dua anggota badan) - Kehilangan kedua-dua belah tangan, atau kesemua jari dan kedua-dua ibu jari - Lumpuh Sepenuhnya - Tidak siaman sepenuhnya - Kecederaan yang mengakibatkan terlantar sakit di katil secara kekal - Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal - Kehilangan tangan dari paras bahu - Kehilangan tangan antara paras bahu dan siku - Kehilangan tangan dari paras siku - Kehilangan tangan antara siku dan pergelangan tangan - Kehilangan tangan diparas pergelangan tangan - Kehilangan kaki - Kehilangan seluruh mata	100%
C	Perbelanjaan Pengebumian	2,000

Nota:

- Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk keterangan penuh atas manfaat, terma dan syarat yang terdapat dalam produk ini.
- Tempoh perlindungan akan bermula dari masa anda menaiki bas untuk tujuan memulakan perjalanan dan akan berhenti sebaik sahaja anda turun dari bas di destinasi yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam tiket bas.
- Sekiranya Manfaat B perlu dibayar, maka tiada manfaat akan dibayar untuk Manfaat A.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

N/A. Passenger Personal Accident Insurance adalah percuma semasa anda menambah pakej Premium yang disediakan oleh pengendali bas yang ditentukan oleh MyETrade Sdn Bhd.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

N/A. Passenger Personal Accident Insurance adalah percuma semasa anda menambah pakej Premium yang disediakan oleh pengendali bas yang ditentukan oleh MyETrade Sdn Bhd.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya berikan perhatian?

- **Keperluan pendedahan** - Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti kegiatan peribadi anda termasuk jenis pekerjaan yang boleh mempengaruhi profil risiko.
- **Kontrak Insurans Pengguna** - Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa anda memohon insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- **Kontrak Insurans Bukan Pengguna** - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa anda memohon insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan

tidak tepat atau sudah berubah.

- **Prosedur Tuntutan** - Anda perlu memberikan notis bertulis kepada kami dalam masa empat belas (14) hari selepas berlaku kejadian.
- **Kelayakan:**
 - Had Umur – tiga puluh (30) hari hingga lapan puluh (80) tahun (semua umur merujuk kepada umur anda pada hari lahir berikutnya).
 - Anda mesti mendaftar insurans ini sebelum perjalanan anda bermula.
 - Had wilayah dalam Malaysia sahaja.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat yang terdapat di dalam produk ini.

6. Apakah pengecualian utama di dalam produk ini?

Produk ini tidak melindungi tuntutan yang disebabkan oleh kejadian yang berikut:

- Peperangan, Perang Saudara
- Keadaan Sedia Ada
- Bunuh Diri sama ada dalam keadaan siaman atau tidak siaman
- Pembunuhan atau serangan Disebabkan Provokasi
- Sebarang jenis perlumbaan selain daripada yang menggunakan kaki
- Radiasi, Nuklear
- Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terdapat di dalam produk ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan sijil insurans anda dengan memberi notis bertulis kepada kami dengan syarat anda tidak membuat tuntutan ke atas sijil insurans. Selepas pembatalan, tidak akan ada bayaran balik premium kepada anda.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran maklumat/peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam butiran maklumat/peribadi termasuk pekerjaan dan maklumat diri yang akan mempengaruhi profil risiko. Anda boleh menulis kepada kami menerusi alamat di bawah atau emel kepada kami di callcentre@zurich.com.my.

9. Dari manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan produk ini, sila rujuk kepada risalah maklumat insurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu salinan daripada wakil ejen anda.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Aras 23A, Mercu 3,
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888

Pusat Panggilan: 1-300-888-622

Emel: callcentre@zurich.com.my

10. Jenis perlindungan Kemalangan Diri insurans lain yang disediakan:

Sila rujuk kepada agen sah kami untuk jenis produk yang sama yang ditawarkan oleh kami.

NOTA PENTING

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGETAHUI SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DI DALAM POLISI INSURANS INDUK ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU BERKENAAN POLISI KEMALANGAN DIRI YANG ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INDUK DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang terkandung di dalam lembaran pendedahan produk ini sah mulai 20hb Jun 2023 sehingga ulang kaji dikeluarkan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Nota: Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

www.zurich.com.my

